

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]

**TARIKH :** 12.11.2014

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional adalah antara kemudahan yang disediakan untuk pelajar institusi pengajian tinggi meminjam bagi meneruskan cita-cita mereka ke menara gading. Apakah cara pengurusan pembiayaan dan pembayarannya mengikut kaedah Syariah Islam dan terhindar daripada riba.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha untuk memastikan kaedah pengurusan pembiayaan pendidikan PTPTN mematuhi syariah Islam telah dibuat sejak tahun 2000. Pada 28 Julai 2008, Majlis Fatwa Kebangsaan telah meluluskan pembiayaan pendidikan berdasarkan kaedah 'Ujrah' atau Upah. Upah yang dikenakan adalah pada kadar 1% setahun atas kadar rata dan mengantikan kaedah pinjaman konvensional sebelum ini yang mengenakan kos pentadbiran 3% dan 5% setahun atas baki berkurangan. Selanjutnya, kaedah ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 6 Ogos 2008 untuk dilaksanakan.